

08 MAY 1996

Umno - Pendaftaran

SEBANYAK 208 MENDAFTAR UNTUK BERTANDING PELBAGAI JAWATAN DALAM UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Sebanyak 208 anggota Umno mendaftar untuk menawarkan diri bertanding pelbagai jawatan Majlis Tertinggi (MT), Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita pada pemilihan parti Oktober ini dan 65 daripada mereka mempertahankan jawatan masing-masing.

Bagi pemilihan MT, hanya jawatan Presiden sahaja tidak menerima sebarang pendaftaran dan bagi jawatan Timbalan Presiden satu pendaftaran diterima tetapi ditolak oleh ibupejabat kerana melanggar keputusan Majlis Tertinggi yang sebulat suara bersetuju bahawa kedua-dua jawatan itu tidak perlu dipertandingkan.

Tempoh pendaftaran sebulan bermula 6 April tamat pada pukul 6 petang semalam.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat pada persidangan berita untuk mengumumkan senarai pendaftaran itu di ibupejabat parti di sini hari ini, bagaimanapun, tidak mahu memberitahu nama dan dari bahagian mana anggota yang mendaftar untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden parti itu.

Majlis Tertinggi juga bersetuju bahawa Presiden dan Timbalan Presiden tidak perlu mendaftar tetapi persidangan perwakilan bahagian yang bermula Julai ini dikehendaki mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mempertahankan jawatan masing-masing.

Mengikut senarai pendaftaran MT, jawatan Naib Presiden menyaksikan pertandingan tujuh penjuror dengan tiga penyandang iaitu Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib mempertahankan jawatan dimenangi tiga tahun lepas.

Empat lagi yang mendaftar ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Syed Hamid Albar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Yob Tajuddin K. Ismail.

Bagi 25 jawatan anggota Majlis Tertinggi, 67 anggota menawarkan diri dan 29 daripada mereka adalah penyandang.

Pengerusi Tetap pula menyaksikan dua pendaftaran iaitu penyandangannya Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan bekas Ketua Bahagian Umno Parit Buntar Datuk Abdul Rahman Suliman.

Tiga orang mendaftar untuk bertanding jawatan Timbalan Pengerusi Tetap iaitu penyandangannya Tan Sri Shoib Haji Ahmad, Datuk Azman Attar Othman dan Datuk Haji Idris Haji Ibrahim.

Bagi Exco Pergerakan Pemuda pula, jawatan ketua menyaksikan enam pendaftaran termasuk penyandangannya Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Lawannya ialah Tan Sri Mohd. Isa Datuk Abdul Samad, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Haji Annuar Musa, Abdul Rahman Mat Salleh dan Abdul Rauf Jamal.

Jawatan Naib Ketua juga menyaksikan enam pendaftaran iaitu Datuk Hishamuddin Husein, Datuk Shahiruddin Abdul Moin, Datuk Abdul Fatah Iskandar, Said Abu Hassan Said Abul Fazal, Zahari Abdul Wahab dan Zahidi Zainol Abidin.

Penyandangannya Datuk Nazri Aziz tidak akan mempertahankan jawatan itu tetapi sebaliknya menawarkan diri bagi jawatan anggota MT.

Sebanyak 70 anggota termasuk lapan orang penyandang mendaftarkan diri untuk merebut 15 jawatan Ahli Jawatankuasa.

Jawatan Pengerusi Tetap pergerakan itu pula menyaksikan dua pendaftaran iaitu penyandangannya Datuk Haji Mohd. Khalid Yunus dan Datuk Megat Junid Megat Ayob. Megat Junid juga mendaftar untuk mempertahankan jawatan Timbalan Pengerusi Tetap bersama-sama Haji Mustapha Yaakub, Datuk Ahmad Bhari Abdul Rahman dan Abdul Malik Abdul Manan.

Bagi jawatan Exco Wanita pula, menyaksikan Ketuanya, Datuk Seri Rafidah

Aziz dicabar oleh Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Jawatan Naib Ketua pula menyaksikan tiga pendaftaran iaitu penyandanginya Datuk Napsiah Omar, Datin Paduka Zaleha Ismail dan Senator Kamilia Ibrahim.

Tan Sri Aishah Ghani adalah pendaftar tunggal mempertahankan jawatan Pengerusi Tetap manakala jawatan Timbalan Pengerusi Tetap menyaksikan tiga pendaftaran iaitu penyandanginya Hajah Sharifah Aminah Syed Ahmad, Hajah Ainon Ariffin dan Hajah Ramlah Abdullah.

Bagi jawatan Ahli Jawatankuasa pergerakan itu 32 orang mendaftarkan dan 16 daripada mereka adalah penyandang.

Bagi jawatan Anggota MT 25 kerusi adalah dipilih pada pemilihan parti manakala 10 lagi dilantik oleh Presiden parti. Pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita pula masing-masing mempunyai 15 AJK dipilih dan lima anggota yang dilantik oleh ketua pergerakan masing-masing.

Mohamed mengingatkan mereka yang mendaftarkan diri bahawa pendaftaran mereka belum sah lagi kerana ibupejabat perlu menyelidik latar belakang mereka.

Antara kriteria yang diselidik ialah kesahihan keanggotaan dalam parti, sama ada mereka pernah dikenakan tindakan disiplin, tidak muflis dan mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh perlembagaan dan etika pemilihan parti.

Mohamed berkata beliau akan menghubungi Pendaftar Pertubuhan dan juga Pemegang Amanah Raya untuk mendapatkan maklumat sama ada mereka yang mendaftarkan diri itu mempunyai "rekod" tidak baik.

Selepas semua proses penyelidikan dijalankan barulah pendaftaran mereka dianggap sah dan senarai nama mereka akan diedar kepada semua bahagian parti untuk membolehkan dicalonkan pada persidangan perwakilan bahagian.

"Selain daripada itu, mereka hanya layak bertanding jika mendapat pencalonan sekurang-kurangnya daripada dua bahagian," katanya.

Menyeni proses pendaftaran sejak 6 April lepas, beliau berkata ia berjalan dengan baik dan beliau menyifatkan sistem pendaftaran yang pertama kali diperkenalkan itu memberi peluang terbaik kepada semua anggota parti untuk bertanding jawatan yang ditawarkan.

Antara tujuan sistem pendaftaran itu ialah untuk mengurangkan politiking keterlaluan, mengurangkan politik wang dan mengurangkan penyalahgunaan kuasa.

-- Bernama

SJA AHH